



كردان نكره قبح ازال الامتياز

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Faks : 04-702 7720
(Bhg. Kewangan)
: 04-702 7722
(Bhg. Perbendaharaan)
Laman Web : ppnk.kedah.gov.my
E-mail : pkpkn@kedah.gov.my

KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : PPNK.BN 400/3/15 (22)
Tarikh : 13 Disember 2021
8 Jamadilawal 1443 H

PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN
(Seperti Lampiran)

YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / Tuan / Puan,

**TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN / ELAUN KERABAT / PENCEN (ADUN) BAGI
TAHUN 2022**

Dengan hormatnya perkara diatas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh pembayaran emolumen bagi kakitangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2022 adalah ditetapkan seperti Lampiran 1 berkelat.

3. Bagi membuat perubahan rekod emolumen di Sistem Payroll 1SPEKS, pihak YB Dato' / Y.Bhg Dato' / Tuan / Puan hendaklah mengambil **tindakan** terhadap perkara berikut:

i. **Penyata Perubahan Emolumen (Kew. 8) dan Borang Perubahan Emolumen (Kew 320) :**

Semak / lulus hendaklah dibuat dalam tempoh yang dibenarkan iaitu **tarikh bayaran emolumen (A) hingga tarikh akhir dihantar ke PBNK (B).**

4. Borang Perubahan Emolumen Kew. 320, KOMP 6 dan Penyata Ringkasan Emolumen hendaklah diserahkan kepada **Seksyen Emolumen PBNK** pada atau sebelum tarikh yang telah ditetapkan dalam jadual (B) pembayaran emolumen ini. Sehubungan itu diingatkan bahawa Perbendaharaan Negeri Kedah tidak akan membenarkan perubahan (Kew. 8 / Kew. 320) di Sistem Payroll 1SPEKS selepas tarikh yang ditetapkan dan perubahan tersebut hendaklah disediakan pada bulan berikutnya.

5. Semua pergerakan emolumen tahunan hendaklah dibuat melalui Sistem Payroll 1SPEKS, iaitu pada **bulan sebenar kenaikan emolumen** bagi setiap pegawai sepertimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling berkaitan tarikh pergerakan emolumen tahunan yang berkuatkuasa. Manakala perubahan emolumen yang memerlukan kelulusan Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, perubahan

(Kew8) hendaklah mendapat kelulusan dari Bahagian Sumber Manusia terlebih dahulu sebelum dibuat perubahan dalam Sistem Payroll 1SPEKS.

6. Emolumen bagi pegawai dan anggota lantikan sementara yang dibayar melalui baucer berasingan, dokumen pembayaran perlu disediakan selewat-lewatnya pada penghujung bulan atau satu minggu selepas pembayaran Emolumen Payroll selaras dengan surat arahan yang dikeluarkan oleh **Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Ruj : PSU(K)UPKS.179/1414 SUK Jd. (96) bertarikh 28 September 2012.**

7. Manakala bagi pekerja emolumen harian, bayaran akan dibuat setelah berakhir bulan berkenaan.

8. Semua Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan hendaklah memastikan arahan ini dipatuhi bagi memastikan proses pembayaran emolumen berjalan dengan lancar.

Sekian. Terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,


**(DATO' HAJI TSAHAK BIN MURAT, DSSS, SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman**

LAMPIRAN 1**TARIKH PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2022**

BULAN	TARIKH / HARI BAYARAN GAJI (A)	CATATAN	TARIKH AKHIR KEW. 320 DIHANTAR KE PBNK (B)
Januari	25.01.2022 (Selasa)		05.01.2022 (Rabu)
Februari	25.02.2022 (Jumaat)	Tahun Baru Cina 1 & 2 Februari 2022 (Selasa & Rabu)	03.02.2022 (Khamis)
Mac	25.03.2022 (Jumaat)		03.03.2022 (Khamis)
April	25.04.2022 (Isnin)		03.04.2022 (Ahad)
Mei	25.05.2022 (Rabu)	Hari Raya Puasa 3 & 4 Mei 2022 (Selasa & Rabu)	02.05.2022 (Isnin)
Jun	24.06.2022 (Jumaat)		02.06.2022 (Khamis)
Julai	25.07.2022 (Isnin)	Hari Raya Haji 10 & 11 Julai 2022 (Ahad & Isnin)	03.07.2022 (Ahad)
Ogos	25.08.2022 (Khamis)		02.08.2022 (Selasa)
September	23.09.2022 (Jumaat)		04.09.2022 (Ahad)
Oktober	18.10.2022 (Selasa)	Hari Deepavali 24 Oktober 2022 (Isnin)	02.10.2022 (Ahad)
November	25.11.2022 (Jumaat)		03.11.2022 (Khamis)
Disember	19.12.2022 (Isnin)	Hari Krismas 25 Disember 2022 (Ahad)	01.12.2022 (Khamis)